

Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 7 – Februrari 1951 – Senaskhah 60 Sen

KEADILAN DAN KEAMANAN

-----*-----*-----

Undang-undang yang menjadi asas kepada tiap-tiap negara untuk melakukan atau menghukumkan sesuatu itu tidaklah boleh dikatakan adil kalau sekiranya orang-orang yang memegang keadilan itu ia tidak akan menyempurnakan atau menggunakan undang-undang itu supaya menjadi adil. Sekalipun cukup sempurna undang-undang yang dibuat bagi sesuatu keadilan itu ia tidak akan dapat membawa keadilan ke atasnya oleh kerana ia boleh menggunakan mana-mana satu yang akan dipakainya atau menggunakannya tatkala menjatuhkan hukum kepada sesuatu dengan berpandu kepada undang-undang hukum itu juga dengan kemahuan hatinya – bukannya dengan kemahuan keadilan yang dipegangnya yakni ia boleh berat kepada sesuatu pihak tatkala menjatuhkan hukum itu.

Pepatah Arab ada berkara yang maksudnya: “Keadilan itu adalah mengatasi undang-undang”. Undang-undang itu adalah disusun dan diselenggarakan untuk membawa aliran atau langkah-langkah kepada keadilan tetapi keadilan itu tidak tercapai sekiranya orang yang menjalankan keadilan itu tidak mengikut kepada bencana atau mengikut hawa nafsu dan kemahuan hatinya dengan tidak meletakkan sesuatu itu mengikut kepada tempat dan kehendaknya. Undang-undang itu terkadang-kadang tidak dapat

menyempurnakan kehendak-kehendak keadilan oleh sebab ia tidak tersebut di dalamnya dan oleh sebab itulah keadilan itu terletak kepada timbangan atau kebijaksanaan orang yang memegang keadilan itu.

Rasulullah (SAW) pada suatu masa tatkala masuk ke Masjidil Haram telah menghadapi sesuatu masalah yang harus menaikkan sesuatu perselisihan yang membawa pertumpahan darah terbit daripada satu perselisihan kabilah-kabilah hendak meletakkan semula batu Hajarul Aswad kepada tempatnya. Dilebihkan satu kabilah bermakna menyakiti kabilah yang lain sekalipun pada masa itu ada undang-undang melebihi satu kabilah di antara satu kabilah yang lain. Di sinilah ia mengambil suatu kebijaksanaan meninggalkan undang-undang melebihi di antara satu dengan yang lain itu atau pun mengikut kemahuan kecenderungan dirinya melebihi puak yang digemarinya atau yang cenderunginya dan dengan demikian semua undang-undang itu roboh dan kelebihan itu binasa lalu Rasulullah (SAW) menggunakan keadilan dan kebijaksanaan sebagai sesuatu jiwa yang suci dan mulia lalu ia mengambil serbannya kemudian meletakkan batu itu di tengah-tengah serbannya lalu meminta kabilah-kabilah yang berselisih tadi mengangkat batu itu di tepi serban masing-masing meletakkan di tempat asalnya dengan masing-masing berasa puas hati bak seperti “menarik rambut di dalam tepung, tepung tak berserak, rambut tak putus.”

Demikianlah kebijaksanaan dan keadilan itu telah pun dilaksanakan di dalam kejadian-kejadian untuk menjadi teladan bagi dilaksanakan oleh umat pada masa yang akan datang supaya diketahui bahawa keadilan itu mengatasi segala undang yang ada di dunia ini terutamanya pula apabila orang yang memegang keadilan itu orang yang beragama Islam maka lebih-lebih lagi ia akan takut berbuat aniaya dan zalim sebab Allah telah menyatakan di dalam firman-Nya yang bermaksud “Hai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berbuat adil tatkala kamu menjadi saksi kerana mendirikan hak Allah. Janganlah

kamu melakukan aniaya oleh kerana benci kaum kafir kepadamu lalu kamu tidak melakukan adil ke atasnya. Hendaklah kamu adil kerana adil itu terlebih dekat kepada taqwa. Takutlah kepada Allah, kerana Allah itu mengetahui apa-apa yang kamu amalkan.” (Surah al-Maidah ayat 8).

Daripada ayat di atas ini menunjukkan bahawa tiap-tiap seorang Islam itu hendaklah melakukan keadilannya bukannya sahaja di atas lingkungannya tetapi juga ke atas orang lain dengan tidak membezakan adakah ia kafir atau tidak dan tatkala menjalankan keadilan itu tidak sekali-kali pandang memandang kepada sesiapa pun dan demikian ini telah ditunjukkan Rasulullah (SAW) yang menjadi contoh kepada kita yang maksudnya: “Sekiranya Fatimah binti Muhammad bin Abdullah itu mencuri nescaya aku potong tangannya.” Ini menunjukkan bahawa keadilan itu tidak memegang kepada anak atau keraian kepada masalah umum tetapi kebijaksanaan itu adalah menjadi kunci keadilan.

Ahli falsafah Indonesia yang terkenal Tuan Haji Agus Salim, tatkala mencela kepada perbuatan mengikut hawa nafsu untuk melaksanakan atau menciptakan keadilan ada berkata: “Hawa nafsu itu jika bersandar kepada kekuasaan, mudah menimbulkan keganasan bahkan menimbulkan kebuasan.” Dengan perkataan ini zahir bahawa tiap-tiap keadilan itu apabila terikut perasaan nafsu atau masalah atau kemahuan hati sendiri maka binasalah keadilan itu dan kesannya keadilan itu membawa keganasan, kebuasan dan porak-peranda yang tidak digemari.

Oleh sebab itu tiap-tiap mereka yang memegang keadilan yang berdiri kekuasaan ke atasnya akan rosak kekuasaan itu dan akan binasa keadilan itu dengan kerana orang yang memegang teraju keadilan itu mengikut hawa nafsunya atau memandang kepada satu pihak dengan mengecikkan kepada pihak yang lainnya. Dengan sebab itulah agaknya bangsa-bangsa Roman telah menggambarkan simbol keadilan itu seperti seorang yang memegang neraca

dengan tangan kanannya, pedang pada tangan kirinya dan ditutup matanya supaya ia tidak memandang atau pandang memandang kepada sesiapa pun untuk mendirikan keadilan dengan menggunakan kebijaksanaan yang utama.

Inilah dari punca-punca bagi menegakkan keadilan yang dikehendaki oleh dunia dan sudah terang bahawa undang-undang itu adalah terletak di bawah keadilan terutamanya pula undang-undang yang dibuat oleh manusia itu selalu tiada mencukupi atau tidak boleh disesuaikan kepada keadaan yang berlaku di sekeliling kedudukan sesuatu masyarakat.

Demikian juga halnya dengan menjaga keamanan, kebijaksanaan adalah sangat berguna tatkala hendak mendirikan keamanan itu. Sekiranya pegawai-pegawai keamanan hendak mendirikan keamanan tidak menggunakan kebijaksanaan maka sudah tentu keamanan tidak akan terdiri apa lagi pegawai-pegawai keamanan itu menggunakan kekuatan atau kuat kuasa yang ada kepadanya. Keamanan itu tidak akan dapat dicapai dengan menggunakan kekerasan sebagaimana yang telah kita ketahui berlaku pada sisi kita. Kita telah melihat contoh-contohnya bagaimana kekerasan-kekerasan yang telah pernah dilakukan oleh pegawai-pegawai keamanan itu tidak akan membawa lebih keamanan tetapi telah membawa tindasan yang pada suatu masa orang yang kena tindas akan mencari peluang atau menunggu masa untuk membalas. Tabiat manusia sememangnya ada iaitu kekerasan itu akan menimbulkan kekerasan dan yang lembut itu akan menimbulkan lebih lembut dan sebab itulah pengajaran-pengajaran Islam telah dicontohkan oleh Saidina Ali yang berkata: “Apabila kamu telah dapat menakluk musuh kamu dan ia telah tertakluk kepada kamu maka maafkanla ia.” Allah itu adalah lebih suka memaafkan tiap-tiap kesalahan seseorang terutamanya pula apabila perkara itu umum dan yang boleh dimaafkan kerana dengan memberi maaf

(sambungan pada muka 5)

WASIAT YANG BERTHARGA

-----*-----*-----

“Janganlah kamu merasa hina dan janganlah kamu

berduka cita; kamulah yang lebih mulia jika sebenarnya kamu orang

mukmin” – firman Allah.

-----*-----*-----

“Jika kamu menolong (agama) Allah maka Allah akan menolong

kamu dan menetapkan pendirian kamu” – firman Allah

-----*-----*-----

Akalmu itu hendaklah di bawah agamamu, perkataanmu

di bawah pekerjaanmu dan pakaianmu di bawah darjatmu – kata

Hukama.

-----*-----*-----

“Katakanlah! Kebenaran itu datangnya daripada Tuhanmu.

Barangsiapa yang suka berimanlah ia dan barangsiapa yang

tak suka kufurlah ia” – firman Allah

-----*-----*-----

Banyak manusia masih menyangka bahawa tidur di atas tilam

yang tebal dan beralas kain sutera itu akan hidup

selama-lamanya tetapi bagi yang mempercayakan tauhid dan

keredhaan Allah kematian itu menjadi kecintaan di dalam

menunaikan tuntutan agama Allah, sebab kepadanya syurga

yang berkekalan di dalamnya telah dijanjikan Allah – kata Arif

-----*-----*-----

Orang Islam rupanya takut mati padahal mereka

akan terdrong kepada maut dengan tidak disedarinya. Di dalam

kematian yang mereka takuti itu ada kemuliaan; dan di dalam

mati yang tidak disadari itu ada kehinaan – kata Amir

Syakib Arsalan.

-----*-----*-----

Kalau engkau tidak mahu derhaka kepada hawa nafsu

nescaya engkau derhaka kepada Tuhanmu – Muslim

-----*-----*-----

Seorang bertanya kepada Rasulullah (SAW): “Manakah

jihad yang terlebih baik?” Sabda Rasulullah (SAW): “Perkataan

yang benar kepada raja yang zalim”. – al-Hadis

-----*-----*-----

Sesungguhnya seseorang itu tidak berputus asa daripada

rahmat Allah melainkan kaum yang kafir – al-Quran

-----*-----*-----

Aku pesan kepadamu bahawa hendalah engkau takut kepada

Allah pada tentang urusan manusia, tetapi jangan engkau takut

kepada manusia pada tentang urusan Allah – Umar bin al-Khattab

-----*-----*-----

(sambungan daripada muka 4)

itu adalah lebih memberi kesan dan lebih mengamankan kepada

keselamatan daripada melakukan pembalasan-pembalasan yang senghaja

dicari-cari untuk menyatakan sebagai suatu balasan.

Ingatlah atas perkara umum yang terjadi di dalam

perang Uhud (Uhud) bagaimana Saidina Hamzah telah dicincang

dan digigit hatinya oleh orang-orang Quraisy dan bagaimana

kekejaman-kekejaman yang dilakukan kepada sahabat-sahabat Rasulullah (SAW)

tetapi apabila Rasulullah menakluk bandar Mekah maka Rasulullah

menegah jangan melakukan pembalasan-pembalasan, lalu baginda memaafkan

apa yang sudah berlaku itu kerana yang telah berlaku itu

tak dapat ditarik atau diulang semula – apa yang akan datang

itulah yang mesti dihadapi. Memaafkan itu adalah menjadi

kemuliaan yang sangat tinggi kepada umat Islam yang diakui

oleh tawarikh dunia.

Keadilan dan keamanan tidak akan terdiri selagi

pemegang-pemegang keadilan dan keamanan itu berpegang kepada hawa

nafsu dan hasrat diri, tidak berpegang kepada hukum-hukum

keadilan yang ditaja oleh Allah. Takutlah kamu kepada Allah

kepada balasan-balasannya oleh kerana kamu tidak mengikut ajaran-ajaran

dan perintah Allah adanya.